

08/04/2003

Jangan bincang isu TPM: Najib

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak menasihatkan ahli parti supaya tidak berbincang dan menyuarakan pandangan secara terbuka mengenai isu jawatan timbalan perdana menteri dan timbalan presiden Umno, pada mesyuarat bahagian yang berlangsung sekarang.

Menteri Pertahanan itu berkata, kenyataan seumpama itu boleh menjejaskan tumpuan dan gerak kerja kepemimpinan serta ahli Umno kepada persiapan parti bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah menamakan penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan yakin semua pihak dalam Umno memberi sokongan penuh kepada peralihan itu.

Najib berkata demikian dalam kenyataan

Kelmarin, Ketua Umno Chenderoh, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata bahagian itu berpendapat Najib paling layak menjadi Timbalan Perdana Menteri kerana beliau adalah menteri Kabinet paling lama dan berpengalaman luas.

Sementara itu, seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib menasihatkan ahli parti supaya mengikut tradisi dalam soal pemilihan jawatan timbalan perdana menteri dan seterusnya timbalan presiden Umno.

Beliau berkata, tradisi dalam parti yang sudah lama diamalkan ialah menyerahkan kepada budi bicara Perdana Menteri untuk memilih sendiri timbalannya.

"Maknanya, biar Abdullah sendiri memilih timbalannya apabila mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Dr Mahathir selepas Oktober nanti.

"Jangan kita ubah tradisi ini. Sekarang ini elok kita tumpu kepada usaha mengukuhkan parti dan mencari kekuatan menjelang pilihan raya umum akan datang. Janganlah kita memulakan langkah yang boleh mencetuskan pergolakan serta perpecahan dalam parti," katanya.

Seorang lagi naib presiden ialah Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin yang dijangka mengeluarkan kenyataan mengenai perkara yang sama hari ini.

Berdasarkan tradisi, Perdana Menteri merangkap Presiden Umno memilih seorang daripada tiga naib presiden untuk mengisi jawatan nombor dua dalam kerajaan dan seterusnya dalam parti, tanpa mengambil kira kekananan seseorang dalam hierarki.

Muhammad berkata, perpecahan akan terus berlaku jika usaha itu tidak dihentikan.

"Jika ini berlaku, sudah nampak ada perebutan. Lebih elok jika semua ahli parti menunjukkan perpaduan dan kita perlu kepada satu imej bersatu padu menjelang pilihan raya," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata masih terlalu awal untuk membincangkan isu mengenai calon timbalan perdana menteri dan timbalan presiden Umno yang baru kerana Dr Mahathir masih memegang jawatan Perdana Menteri.

Beliau berkata, ahli Umno tidak perlu memperbesarkan isu ini kerana yang penting adalah pengukuhan jentera parti untuk menghadapi pilihan raya umum.

"Buat masa ini, Datuk Seri Abdullah belum lagi menjadi Perdana Menteri dan beliau belum mempunyai kuasa untuk membuat pilihan mengenai perkara itu," katanya selepas rakaman rancangan Malaysia 2020 di Perbadanan Filem

Nasional Malaysia (Finas) di Ulu Klang, semalam.

Adnan percaya Najib akan berada dalam keadaan yang tidak selesa dan berkemungkinan hal ini akan menimbulkan lebih banyak isu jika bahagian Umno yang lain turut mencalonkan nama yang berbeza.

"Ini akan menimbulkan lebih banyak spekulasi dalam parti dan ahli Umno terutama harus menghormati kedudukan Perdana Menteri ketika ini dengan tidak menimbulkan sebarang spekulasi mengenai siapa bakal menggantikan tempat Timbalan Perdana Menteri apabila Abdullah menjadi Perdana Menteri.

"Ini akan menyebabkan keadaan dalam Umno menjadi tertekan dan apabila tertekan, pelbagai perkara yang tidak ingini boleh berlaku," katanya.

"Buat masa sekarang, memberi sokongan secara terbuka masih belum sesuai kerana masanya belum tiba. Tunggulah masa yang sesuai... saya sendiri secara peribadi menyokong cadangan Perdana Menteri ambil Pak Lah sebagai penggantinya dan akan menyokong jika Pak Lah ambil Najib jadi timbalannya," katanya.